

**GAYA BAHASA PERMINTAAN:
SATU KAJIAN KONTRASTIF ANTARA
BAHASA ARAB DENGAN BAHASA MELAYU**

FAUZI BIN AZMI

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2016

**GAYA BAHASA PERMINTAAN:
SATU KAJIAN KONTRASTIF ANTARA
BAHASA ARAB DENGAN BAHASA MELAYU**

FAUZI BIN AZMI

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2016

110093492

**GAYA BAHASA PERMINTAAN:
SATU KAJIAN KONTRASTIF ANTARA
BAHASA ARAB DENGAN BAHASA MELAYU**

FAUZI BIN AZMI

Tesis ini dikemukakan bagi Memenuhi Syarat untuk Ijazah Doktor
Falsafah di Pusat Pendidikan Asas dan Liberal
Universiti Malaysia Terengganu

Januari 2016

DEDIKASI

Buat ayahanda tercinta Haji Azmi bin Mahmud dan bonda tercinta Hajah Fatimah binti Haji Ishak -

Tiada kata-kata yang mampu diungkap dan pena lemah untuk mencoret segala jasa bakti dan pengorbanan kalian berdua. Doa inilah yang ku ulangi dan panjatkan setiap hari, "Ya Allah, ampunilah dosaku dan dosa kedua ibu bapaku dan kasihanilah mereka berdua seperti mana mereka berdua mengasihaniiku semenjak kecilku serta masukkan mereka berdua ke dalam syurga Mu".

Buat isteri tersayang Norsyakila binti Rusdan.

Segala sokongan, pengorbanan dan ketabahan selama ini adalah rahsia kejayaan ini. Semoga kejayaan kecil ini sebagai pembuka jalan untuk kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

Buat anak-anakku yang disayangi: Muhammad Syafiq, Nurul Huda, Muhammad Muslehuddin, Durrah Nafisah, Muhammad Fawwaz Fauzan dan Nuha 'Abqariyyah.

Tiada kejayaan yang dikecapi dengan angan-angan. Bukan senang untuk hidup senang. Laluan kejayaan perlukan ketekunan dan kesabaran yang tinggi. Kalian jadilah aset berguna di dunia dan di akhirat.

Absrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah.

**GAYA BAHASA PERMINTAAN:
SATU KAJIAN KONTRASTIF ANTARA
BAHASA ARAB DENGAN BAHASA MELAYU**

FAUZI BIN AZMI

Januari 2016

Penyelia : **Ismail Muhamad, Ph.D.**

Penyelia Bersama : **Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D.**

Pusat : **Pusat Pendidikan Asas dan Liberal**

Gaya bahasa permintaan dalam bahasa Arab (BA) terdiri daripada ayat perintah, ayat larangan, ayat tanya, ayat seruan dan ayat angan-angan. Dalam kajian ini, BA sebagai bahasa pertama dan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kedua atau bahasa sasaran. Kajian kontrastif ini membandingkan struktur gaya bahasa permintaan di peringkat wacana. Objektifnya ialah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa ini. Perbezaan merupakan kesukaran dalam mempelajari bahasa. Operasi kontrastif ini diaplikasikan bagi menatijahkan persamaan dan perbezaan berasaskan model Transformasi Generatif (TG) dan model pragmatik versi Relevans. Kajian ini mengintegrasikan metodologi kualitatif dan kuantitatif dalam analisis data secara induktif dan deskriptif. Sebagai kajian

perpustakaan yang merujuk kepada data sekunder maka pemilihan data menggunakan tatacara persampelan bertujuan (*judgemental sampling*) daripada teks-teks kajian dalam kedua-dua bahasa ini. Sebanyak 4,857 ujaran gaya bahasa permintaan BM yang dikenal pasti melalui teks-teks kajian. Perbezaan umum antara kedua-dua bahasa ialah gaya bahasa permintaan dalam BA dibincangkan dalam ilmu morfologi, sintaksis, balaghah/retorik, usul al-Din, usul al-fiqh, ulum al-Quran dan tafsir, manakala dalam BM, perbahasannya dalam kerangka sintaksis sahaja. Oleh yang demikian sudah tentu terdapat perbezaan pada skop kajian dan perbahasannya. Bagi merapatkan jurang perbezaan yang ketara antara BM dengan BA, maka penggarapan ayat permintaan BM dilakukan dengan menjadikan model BA sebagai kontras. Penggarapan ini merupakan kontrastif *explorer* (penerokaan) baharu dalam BM yang menatijahkan satu stilistik baharu dalam wacana BM, iaitu gaya bahasa permintaan. Dapatan kajian memaparkan terdapat 53 ciri persamaan atau 62.35% dan 32 ciri perbezaan, atau 37.65%, antara BA dengan BM. Melalui dapatan kajian juga membongkarkan salah satu aspek persamaan dan perbezaan yang ada iaitu kewujudan ayat hakiki dan bukan hakiki pada semua gaya bahasa ini. Selain daripada itu pengkaji juga menggarap satu gaya bahasa baharu, yang tidak dibincangkan oleh para sarjana Melayu sebelum ini, iaitu gaya bahasa angan-angan. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi solusi terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran BA sebagai bahasa kedua/asing dan menyumbang ke arah pembinaan gaya bahasa permintaan dalam konteks balaghah Melayu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

COMMAND STYLES:

**A CONTRASTIVE ANALYSIS BETWEEN
THE ARABIC LANGUAGE AND MALAY LANGUAGE**

FAUZI BIN AZMI

January 2016

Main Supervisor : Ismail Muhamad, Ph.D.

Co-Supervisor : Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D.

Centre : Centre For Fundamental and Liberal Education

The command styles in the Arabic language comprise the imperative sentences, prohibitive sentences, interrogative sentences, vocative sentences and imaginative sentences. In this study the Arabic Language was used as the first language and the Malay language was the second or target language. The contrastive analysis compares the structure of command styles at the interaction level. The objective of the study was to identify the structural similarities and differences between the two languages. This contrastive analysis was determined based on the Generative-Transformational Model and the Pragmatic Model of Relevance. The differences made the learning of a language more challenging. The study integrated both the qualitative and quantitative approaches in the inductive and descriptive analyses of data. The selection of secondary data was the judgmental sampling of research texts in both languages. A

total of 4,857 command styles occurrences were identified from the research texts. The general differences between these two languages based on the Arabic command styles were discussed within the context of morphology, syntax, rhetoric, tawheed, the fundamental of Islamic Jurisprudence (*'usūl al-fiqh*), Qoranic Science (*'ulūm al-Qurān*) and tafseer, whereas in Malay, the discussion was only within the framework of syntax. There were obvious differences in the scope of research study and the discussion of related issues. The Malay command styles were extracted using the Arabic model as the contrast. This extraction resulted a new contrastive exploration in Malay to derive a new stylistic in Malay interaction, i.e. command styles. Results showed that there were 53 similar characteristics (62.35%) and 32 different characteristics (37.65%) between Arabic and Malay. Results also revealed an interesting element which was the presence of finite and non-finite sentences in the command styles of both languages. It is hoped that the findings would provide an alternative solution to the teaching and learning of Arabic as a second language and contribute to the development of the Malay language command styles in the context of Malay rhetoric.